

Kerajaan ingatkan susun semula ekuiti syarikat2

UM 21 APR 1981

KUALA LUMPUR 20 April — Kerajaan hari ini mengingatkan syarikat-syarikat yang masih belum menyusun semula ekuiti mereka supaya segera berbuat demikian seperti yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, dengan pelancaran skim Amanah Saham Nasional, alasan bahawa bumiputera tidak mampu membeli saham syarikat mereka sudah tidak boleh diterima lagi.

Dalam ucapannya selaku Pengerusi Yayasan Pelaburan Bumiputera di pelancaran skim tersebut hari ini, beliau berkata, syarikat-syarikat hendaklah sedar bahawa saham-saham mereka yang dijual kepada Permodalan Nasional Berhad akan dinikmati oleh bumiputera.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, kejayaan skim itu adalah juga bergantung kepada kerjasama yang diberikan oleh syarikat-syarikat di negara ini.

Beliau mengingatkan, masa untuk menyusun semula ekuiti masing-masing amat singkat menjelang 1990.

lebih tekun supaya memenuhi kriteria-kriteria tersebut.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan mereka bahawa dalam menjayakan skim ASN, tidak ada tempat untuk irihati, sebaliknya semua pihak mesti mengambil berat tentang tugas masing-masing kerana kesemuanya itu ialah semata-mata untuk kepentingan negara.

Beliau berharap syarikat-syarikat yang telah memenuhi kriteria-kriteria dan telah dipindah milik saham mereka akan berusaha dengan cekap lagi tekun serta jujur supaya mencapai keuntungan lebih besar.

Saham-saham bagi skim ASN, selain dari saham-saham kerajaan yang dipindah milik juga termasuk saham-saham yang dibeli oleh PNB dari pasaran terbuka dan dari peruntukan melalui Kementerian

agensi-agensi kerajaan yang ditugaskan menjalankan program-program penyusunan semula masyarakat dalam bidang perindustrian dan perdagangan," katanya.

"Ini bukan sahaja membuktikan keyakinan kerajaan kepada yayasan itu untuk mencapai matlamat pemilikan saham oleh bumiputera bahkan juga kesanggupannya memastikan bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai," katanya.

"Skim ASN ialah untuk semua bumiputera tidak kira apa pandangan dan pendirian politik mereka," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

"Mereka yang layak sepatutnya menvertai skim ini kerana ia benar-benar untuk kepentingan mereka dan dirangka dengan mengambill kira keadaan sosioekonomi bumiputera," katanya.

Kata beliau skim ASN

nuhnya kepada tugas memasarkan unit-unit Saham Amanah dalam skim itu dengan mengadakan rancangan-rancangan jangka panjang untuk mendidik masyarakat bumiputera melabur dalam saham.

"Ini semua memerlukan strategi pemasaran yang gigih dan teratur," katanya.

Beliau menegaskan pengurusan PNB dan ASN mestilah cecak dan jujur untuk mendapat kepercayaan masyarakat bumiputera.

Pelaburan-pelaburan mestilah mendatangkan pulangan yang memuaskan dan secara jujur supaya kepentingan para pelabur khususnya bumiputera sentiasa terpelihara, katanya.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, bagi masyarakat bumiputera, memiliki harta dan pelaburan dalam saham adalah satu fenomena baru dan proses bagi mempelajari dan mengenalinya mengambil masa.

"Dengan pelancaran skim ini kita tidak akan lagi mengalami keadaan dan alasan bahawa tiada bumiputera berupaya untuk membeli saham-saham syarikat yang disusun semula itu," tegasnya.

Menurut beliau, bumiputera dijangka perlu melabur sejumlah \$16,351 juta menjelang 1990 untuk mencapai 30 peratus pemilikan modal dalam sektor syarikat.

Timbalan Perdana Menteri berkata ahli-ahli lembaga pengarah dan pengurusan syarikat-syarikat yang mendedahkan skim itu terutama yang sahamnya telah dipindah milik kepada PNB, seharusnya berbangga kerana mereka telah mencapai kriteria-kriteria pemilihan.

Lain-lain syarikat yang belum dipindah milik hendaklah bekerja

Perdagangan dan Perindustrian.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan selain dari kerjasama syarikat-syarikat di negara ini, kejayaan skim ASN bergantung besar kepada sikap bumiputera sendiri.

Katanya, jika bumiputera masih berpeluk tubuh dan tidak menyertai skim itu, berapa banyak sekali pun belanja yang disediakan oleh kerajaan kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera, skim ASN tidak akan berjaya.

"Bagi Rancangan Malaysia Keempat, kerajaan menambah 200 peratus peruntukan kepada yayasan itu menjadi \$1,500.97 juta berbanding \$500 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga," katanya.

"Peruntukan itu adalah terbesar di kalangan

memberi dua kebaikan kepada para pelabur:

- PNB akan melabur bagi pihak bumiputera dalam syarikat-syarikat terpilih yang boleh memberikan pulangan yang tinggi.

Pelaburan dibuat bukan sahaja berdasarkan keuntungan syarikat itu semata-mata tetapi juga mengambil kira kekukuhannya pengurusan supaya risiko pelaburan dapat dikurangkan.

- Pengurusan PNB dan ASN dikendalikan oleh mereka yang mahir, berpengalaman dan bertanggungjawab untuk mengesan prestasi syarikat-syarikat dalam mana pelaburan dibuat.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata PNB akan mentadbirkan akaun dan menguruskan pelaburan ASN demi menjamin pentadbiran yang cekap dan berekonomi.

Dengan cara itu, ASN dapat menumpu sepe-

Oleh itu mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan skim itu perlu sangat memahami perkara tersebut dan menyebarkan maklumat mengenainya.

Di bawah skim ASN, seseorang bumiputera yang layak menyertainya boleh membuat pelaburan pokok \$10 dan selepas mendaftar diri ia diberi sebuah buku pelaburan dalam mana A S N akan mengkreditkan 100 unit ke dalam akaunnya.

Bagaimanapun 100 unit itu tidak boleh dikeluarkan sehingga genap sembilan tahun.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir keistimewaan pelaburan pokok itu ialah memberi kesempatan kepada semua bumiputera yang layak, tidak kira apa kedudukan ekonomi mereka, untuk menyertai skim ASN dan memiliki sekurang-kurangnya 100 unit saham